

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM - BN]**

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN NO.34

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan justifikasi sukan angkat berat, sepak takraw dan taekwando yang digugurkan daripada sukan teras dan tidak boleh dipertandingkan pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2018, pada September 2018 depan.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia Dan Sukan pada 12 Disember 2017 telah bersetuju untuk menggugurkan 3 daripada 19 jenis sukan teras iaitu angkat berat, sepak takraw dan taekwondo.
2. Antara sebab dan justifikasi pengguguran 3 sukan tersebut adalah seperti berikut :-
 - i. **Angkat berat**

Prestasi sukan angkat berat yang merosot serta atlet-atlet sukan angkat berat yang sering menghadapi masalah disiplin di mana sebanyak 7 kes doping telah dilaporkan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) sejak empat tahun lepas.
 - ii. **Sepak takraw**

Sukan sepak takraw tidak menunjukkan peningkatan prestasi sejak tahun 2006. Malah aspek pembangunan juga tidak diberi tumpuan secara menyeluruh dan keupayaan negara untuk mempertahankan kedudukan ranking dunia turut tergugat oleh negara-negara yang lain.

SULIT

iii. Taekwondo

Pencapaian tertinggi sukan taekwondo adalah di peringkat Sukan SEA sahaja. Sukan ini tidak mempamerkan pencapaian yang positif di temasya mahupun kejohanan-kejohanan antarabangsa yang tertinggi. Di samping itu kemelut sukan taekwondo yang masih gagal menyatukan penggiat-penggiat sukan taekwondo dalam negara ini turut membawa kepada kemerosotan prestasi atlet di peringkat antarabangsa.

3. Pada awalnya, Mesyuarat Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara telah menetapkan bahawa 3 sukan tersebut tidak akan dipertandingkan di temasya Sukan Malaysia Perak 2018. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia Bilangan 4 yang bersidang pada 8 Februari 2018 telah menerima rayuan daripada negeri-negeri dan bersetuju untuk mempertandingkan 3 sukan ini pada SUKMA Perak 2018 sebagai sukan pilihan.

Sekian, terima kasih.